

03 AUG 1997

Rali - pesawat

PESERTA RALI UDARA SELAMAT TIBA KE DESTINASI

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Walaupun terpaksa mengharungi udara berjerebu sebanyak 19 pesawat ringan yang menyertai Rali Udara Malaysia '97 selamat sampai ke destinasi mereka di Kedah dan Perlis dari sini hari ini.

Seorang jurucakap Jabatan Penerbangan Awam di sini berkata pesawat-pesawat itu sepatutnya berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini pagi semalam untuk peringkat ketiga rali itu tetapi terpaksa ditunda ke pagi ini disebabkan keadaan jerebu yang teruk.

Di Langkawi seorang jurucakap Le Proton, penganjur rali itu, berkata lapan pesawat tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar, manakala tujuh lagi mendarat di landasan terbang Batu Pahat di Perlis dan empat di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Sebuah pesawat "glider" yang sepatutnya turut serta terpaksa ditinggalkan kerana jarak penglihatan yang kurang baik disebabkan jerebu itu. Ia dijangka berlepas esok pagi ke Langkawai, kata jurucakap itu.

Pesawat-pesawat itu berlepas secara berkumpulan dari pukul 9.30 pagi tadi dan singgah untuk mengisi minyak di landasan terbang tentera di Taiping dan Sungai Petani.

Katanya pesawat-pesawat itu terpaksa berlepas awal oleh kerana jarak penglihatan baik.

Jerebu dilaporkan berada di paras 10,000 m dari permukaan bumi pada pukul 9.30 pagi dan dijangka turun ke paras 5,000 m pada pukul 10 pagi dan akan menjadi lebih lewat petang, katanya.

Rali itu yang bermula dari Sungai Besi, Kuala Lumpur Isnin lepas ialah sebagai acara pembukaan kepada Langkawi Fly-In 1997, ia itu satu persidangan dan pameran pesawat ringan yang pertama di Asia yang bermula esok sehingga 8 Ogos ini.

Ia akan disertai oleh pengeluar pesawat dari Afrika Selatan, Itali, Jerman, Singapura, Thailand dan Australia.

Peringkat terakhir rali itu ialah dari from Alor Star ke Langkawi Isnin ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyambut ketibaan mereka.

Sementara itu di KANGAR, ribuan penduduk membanjiri Landasan Terbang Batu Pahat sejak pukul 8.30 pagi untuk menyaksikan beberapa acara sampingan termasuk pertunjukan pesawat kawalan jauh dan "stunt kite" selain dari menyambut ketibaan para peserta rali itu.

Para peserta itu pada mulanya dijadual tiba dengan pesawat masing-masing kira-kira pukul 10 pagi tetapi ditunda kepada pukul satu tengah hari disebabkan masalah cuaca.

Urusetia Pelancongan dan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kangar (MPK) yang menjadi penganjur sambutan itu kemudiannya mengumumkan bahawa jadual itu ditunda lagi ke pukul 3 petang.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menunggu sejak pukul 3 petang untuk menyambut ketibaan para peserta rali itu terpaksa meninggalkan majlis selepas dua jam kerana mempunyai tugas lain.

Bagaimanapun penantian para penduduk sejak pagi berakhir apabila tiga pesawat mendarat pukul 5.15 petang diikuti empat lagi pada pukul 6.05 dan 6.15 petang.

Para peserta disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Kesenian Perlis, Yazid Mat serta Yang Dipertua MPK, Johari Mohd Darus, kemudiannya turut mengadakan pertunjukan udara sebagai tidak menghampakan para penduduk yang sabar menanti kehadiran mereka.

Mereka akan bermalam di sini malam ini sebelum berlepas ke Pulau Langkawi esok bagi menghadiri Konvensyen dan Pameran Langkawi Fly-In '97.

Keadaan berjerubu yang melanda Perlis sejak lebih seminggu lalu bertambah buruk hari ini dengan jarak pandangan hanya antara tiga dan lima kilometer sahaja.

Beberapa bukit berhampiran landasan terbang itu hampir hilang dari pandangan kerana jerubu tetapi ia kembali reda apabila hujan lebat mencurah turun bersama ketibaan para peserta itu. -- BERNAMA

HK AD WAT